

3756/1  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 1  
September  
2008

LOGO DAN NAMA SEKOLAH
-----------------------------

1 ¼ jam

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2008

---

### PRINSIP PERAKAUNAN Kertas 1

Satu jam lima belas minit

---

#### JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan objektif*
2. *Jawab semua soalan*
3. *Jawab dengan menghitamkan ruangan yang betul pada kertas jawapan*
4. *Hitamkan satu ruangan sahaja bagi setiap soalan*
5. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
6. *Penggunaan kalkulator saintifik adalah dibenarkan*

---

Kertas soalan ini mengandungi 16 halaman bercetak

*Pahang Trial SPM 2008*  
<http://edu.joshuatly.com/>  
<http://www.joshuatly.com/>



1. Prestasi perniagaan Syarikat Rama dinilai pada akhir setiap bulan Julai setiap tahun.

Amalan ini adalah merujuk kepada prinsip

- A. pepadanan.
  - B. badan berterusan
  - C. tempoh perakaunan
  - D. wang sebagai ukuran
2. Antara yang berikut, perniagaan yang manakah mempunyai liabiliti tidak terhad?
- I Restoran Selera Silam
  - II Klinik Haikal dan Izwanizar
  - III Koperasi Penulis Muda Berhad
  - IV Batu Loncatan Sendirian Berhad
- A. I dan II
  - B. I dan III
  - C. II dan III
  - D. III dan IV
3. Pihak berkepentingan dalam kalangan pengguna dalaman yang memerlukan laporan kewangan ialah
- A. pemiutang.
  - B. pemilik perniagaan.
  - C. bakal-bakal pelabur.
  - D. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)
4. Pengeluaran wang tunai, barang niaga dan aset bukan semasa untuk kegunaan peribadi adalah dianggap
- A. liabiliti.
  - B. belanja.
  - C. ambilan.
  - D. ekuiti pemilik.
5. Kos jualan ialah
- A. stok awal + belian.
  - B. stok awal + belian bersih – stok akhir.
  - C. jualan + stok awal + belian – stok akhir.
  - D. belian bersih - belanja belian – stok akhir.

6.

“Kedai Elektrik Hana telah menjual barang niaga berkos RM3300 dengan harga RM3500 secara kredit”

Apakah kesan urus niaga tersebut kepada persamaan perakaunan?

- A Stok berkurang RM3300, penghutang bertambah RM3300.
  - B Stok berkurang RM3300, penghutang bertambah RM3500.
  - C Stok berkurang RM3300, penghutang bertambah RM3500 dan ekuiti pemilik berkurang RM200.
  - D Stok berkurang RM3300, penghutang bertambah RM3500 dan ekuiti pemilik bertambah RM200.
7. Antara berikut, yang manakah menyebabkan Encik Razin seorang peniaga menghantar nota kredit kepada pembeli?
- I Pembeli memulangkan botol-botol kosong.
  - II Pembeli memulangkan semula barang yang rosak.
  - III Encik Razin mengenakan caj perkhidmatan kepada pembeli.
  - IV Invois yang dihantar kepada seseorang pembeli telah terlebih caj.
- A I, II, dan III
  - B I, II, dan IV
  - C I, III, dan IV
  - D II, III, dan IV
8. Antara yang berikut, urus niaga yang manakah yang dicatatkan di dalam Jurnal Am?
- I Membeli barang niaga secara kredit.
  - II Memasukkan wang tunai ke dalam bank.
  - III Mengeluarkan barang niaga untuk tujuan promosi.
  - IV Mengambil barang niaga untuk kegunaan peribadi.
- A I dan II
  - B I dan III
  - C II dan III
  - D III dan IV

9.

”Seorang peniaga telah menghantar Nota Debit kepada pelanggannya kerana barang niaga yang dijual telah terkurang caj”.

Antara yang berikut, Buku Catatan Pertama yang manakah boleh digunakan oleh peniaga ini untuk merekod urus niaga tersebut?

- A Jurnal Am
  - B Jurnal Belian
  - C Jurnal Jualan
  - D Jurnal Pulangan Belian
10. Data berikut diperoleh daripada Jurnal Pulangan Jualan sebuah perniagaan.

Tarikh	Butiran	Folio	Jumlah
2007			RM
Mac 28	Syarikat Jaya Bakti		4 342
31	Akaun Pulangan Jualan	Dt.	4 342

Siapakah Syarikat Jaya Bakti?

- A Pemiutang
  - B Penghutang
  - C Syarikat pinjaman
  - D Pelanggan perniagaan
11. Berikut adalah memo yang diperoleh daripada seorang pengurus kepada kerani akaunnya.

**MEMO**

**DERMA IKHLAS ENTERPRISE**  
12A, Jalan Banting, Kampung Olak Lempit,  
Banting, Selangor D. E.

**Kepada:** Kerani akaun Tarikh: 23 Februari 2007

Pemilik membawa masuk perabot milik peribadi bernilai RM600, untuk kegunaan perniagaan.

*Hj. Dermawi*  
T. T. Pengurus

Catatan di Jurnal Am yang perlu dibuat oleh kerani itu ialah

	<b>Debit</b>	<b>Kredit</b>
A	Akaun Perabot	Akaun Belian
B	Akaun Perabot	Akaun Modal
C	Akaun Modal	Akaun Perabot
D	Akaun Belian	Akaun Modal

12. Berikut ialah petikan Buku Tunai Perniagaan Yadan yang menjalankan perniagaan barangan elektrik.

<b>Dt</b>		<b>BUKU TUNAI</b>		
<b>Tarikh</b>	<b>Butir</b>	<b>Diskaun</b>	<b>Tunai</b>	<b>Bank</b>
<b>2007</b>		<b>RM</b>	<b>RM</b>	<b>RM</b>
April 6	Kedai Elektrik Kieran		450	

Urus niaga yang manakah menerangkan catatan tersebut?

- A Jual barangan elektrik secara tunai kepada Kedai Elektrik Kieran.  
 B Jual barangan elektrik secara kredit kepada Kedai Elektrik Kieran.  
 C Kedai Elektrik Kieran menjelaskan hutang kepada Perniagaan Yadan dengan cek.  
 D Perniagaan Yadan menerima cek penjelasan hutang daripada Kedai Elektrik Kieran.
13. Manakah urus niaga yang akan dicatatkan di dalam Buku Tunai Runcit?
- A Belanja yang jumlahnya kecil.  
 B Membeli barang niaga secara tunai.  
 C Membayar bil elektrik dan air secara tunai.  
 D Membayar sewa premis perniagaan dengan menggunakan cek.
14. Antara yang berikut, akaun yang manakah direkodkan dalam Lejar Am?
- I Akaun Kenderaan  
 II Akaun Kadar Bayaran  
 III Akaun Pemiutang Hasmadi  
 IV Akaun Penghutang Sabaruddin
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV

15. Salam Edar Marketing telah menjual satu set komputer kepada Kedai Buku Al-Kitab.

Apakah akaun yang terlibat bagi urus niaga tersebut dalam buku Salam Edar Marketing.

	Akaun Didebitkan	Akaun dikreditkan
A	Alatan pejabat	Jualan
B	Kedai Buku Al-Kitab	Jualan
C	Alatan pejabat	Kedai Buku Al-Kitab
D	Jualan	Alatan pejabat

16. Antara berikut, akaun yang manakah akan dipindahkan ke Penyata Pendapatan pada akhir tempoh perakaunan?

- I Penghutang
- II Gaji terakru
- III Sewa diterima
- IV Angkutan masuk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

17. Berikut ialah Akaun Kawalan Pemiutang yang dipetik daripada Buku Kedai Laili.

<b>Akaun Kawalan Pemiutang</b>					
2007		RM	2007	RM	
Jan. 31	Bank	3 000	Jan. 1	Baki b/b	2 770
	Pulangan keluar	660	31	Belian	6 000
	<b>X</b>	110			
	Baki h/b	5 000			
		8 770			8 770

Apakah **X**?

- A Hutang lapuk
- B Diskaun diberi
- C Diskaun diterima
- D Belanja angkutan

18. Sekiranya Imbangan Duga disediakan sebelum penyediaan Akaun Perdagangan, yang manakah di antara yang berikut **tidak** disenaraikan dalam Imbangan Duga?
- A Belian  
B Stok awal  
C Stok akhir  
D Pulangan masuk
19. "Belian secara kredit sebanyak RM630 telah direkodkan sebagai RM650". Bagaimanakah kesilapan ini diperbetulkan dalam Jurnal Am?

A	(Dt) Pemiutang (Kt) Belian	RM630	RM630
B	(Dt) Pemiutang (Kt) Belian	RM20	RM20
C	(Dt) Belian (Kt) Pemiutang	RM20	RM20
D	(Dt) Belian (Kt) Pemiutang	RM630	RM630

20. Maklumat berikut diperolehi daripada Buku Kedai Lokman pada 31 Disember 2007.

<b>2007</b>		<b>RM</b>
Jan. 1	Gaji terdahulu	450
Dis. 31	Gaji terakru	150

Sepanjang tahun 2007, Kedai Zaidin telah membayar gaji berjumlah RM2 400.

Manakah catatan yang **betul** bagi merekodkan gaji ke dalam Akaun Untung Rugi?

<b>A</b>	<b>Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006</b>	
	RM	
Gaji	1800	
<b>B</b>	<b>Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006</b>	
	RM	
Gaji	2100	
<b>C</b>	<b>Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006</b>	
	RM	
Gaji	2 700	
<b>D</b>	<b>Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2006</b>	
	RM	
Gaji	3000	

21. Antara yang berikut, yang manakah berbaki debit dan perlu ditunjukkan sebagai Liabiliti Semasa di dalam Kunci Kira-kira
- A Gaji terdahulu  
 B Insurans terdahulu  
 C Sewa diterima terakru  
 D Komisen diterima terdahulu
22. Hutang perniagaan yang dihapuskan kerana pelanggan telah meninggal dunia dipanggil .
- A penghutang.  
 B hutang lapuk.  
 C hutang ragu terkumpul.  
 D peruntukan hutang ragu.
23. Pada 1 Januari 2005, Syarikat Sari Mas telah membayar pendahuluan sewa untuk tempoh tiga bulan sebanyak RM1 800. Tempoh perakaunan syarikat tersebut berakhir pada 31 Disember 2005.
- Hitung belanja sewa yang sepatutnya dipindahkan ke Akaun Untung Rugi bagi tahun 2005.
- A RM1 800  
 B RM5 400  
 C RM7 200  
 D RM9 000

24. Data berikut diperoleh daripada Buku Juara Enterprise.

Buku Tunai

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	No. cek	RM
2007 Jan. 1	Baki b/b	2 200	2004 Jan. 8			
	Asnariah	800	31	Baki h/b		3 000
		3 000				3 000

Penyata bank (Petikan)

Tarikh	Butiran	No. cek	Debit	Kredit	Baki
2007 Jan. 1	Baki b/b				RM 2 200

Antara yang berikut, yang manakah cara penyediaan Penyata Penyesuaian Bank adalah betul?

**A Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2007**

	RM
Baki debit seperti dalam Buku Tunai	3000
<i>Tolak:</i> Cek belum kreditkan – Asnariah	800
Baki Debit seperti dalam Penyata Bank	2200

**B Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2007**

	RM
Baki kredit seperti dalam Penyata Bank	2 200
<i>Tolak:</i> Cek belum dikreditkan – Asnariah	800
Baki Debit seperti dalam Buku Tunai	1 400

**C Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2007**

	RM
Baki debit seperti dalam Buku Tunai	3000
<i>Tambah:</i> Cek belum dikreditkan – Asnariah	800
Baki Debit seperti dalam Penyata Bank	3800

**D Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2007**

	RM
Baki kredit seperti dalam Penyata Bank	2200
<i>Tambah:</i> Cek belum dikreditkan – Asnariah	800
Baki Debit seperti dalam Buku Tunai	3000

25. Antara berikut, yang manakah butiran yang menyebabkan aliran keluar tunai?
- A Belian barang niaga
  - B Diskaun diberi
  - C Peruntukan hutang ragu
  - D Susut nilai aset bukan semasa
26. Antara berikut, yang manakah butiran yang direkod di sebelah debit akaun semasa pekongsi?
- I Ambilan
  - II Faedah atas modal
  - III Faedah atas ambilan
  - IV Faedah atas pinjaman
- A I dan III
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D II dan IV
27. Apakah nama akaun yang mewakili ekuiti pemilik seorang rakan kongsi yang dicatatkan dalam Kunci Kira-kira perkongsian?
- A Akaun Modal dan Aset
  - B Akaun Modal dan Ambilan
  - C Akaun Modal dan Akaun Semasa
  - D Akaun Modal dan Untung Bersih
28. Antara yang berikut, yang manakah faktor-faktor yang menyebabkan perniagaan perkongsian dibubarkan?
- I Perniagaan mengalami kerugian.
  - II Seorang pekongsi meninggal dunia.
  - III Perniagaan perkongsian ditukar kepada Syarikat Berhad.
  - IV Matlamat penubuhan perniagaan perkongsian telah tercapai.
- A I, II, dan III
  - B I, II, dan IV
  - C I, III, dan IV
  - D II, III, dan IV

29. "Pada 31 Disember 2006, Kunci Kira-kira sebuah perniagaan perkongsian menunjukkan nilai pemiutang sebanyak RM2 220. Apabila perniagaan dibubarkan pemiutang dijelaskan sepenuhnya sebanyak RM2 000".

Antara yang berikut, yang manakah catatan yang **betul** dalam Akaun Realisasi?

A	Debit Akaun Bank	RM220
B	Kredit Akaun Realisasi	RM220
C	Kredit Akaun Realisasi	RM2 000
D	Kredit Akaun Bank	RM2 200

30. Berapakah bilangan had maksimum pemegang syer dalam sebuah Syarikat Sendirian Berhad?
- A 10 orang  
B 20 orang  
C 50 orang  
D Tiada had maksimum
31. Pada 31 Ogos 2007, Encik Suhardi seorang pemegang saham telah menerima Laporan Kewangan daripada Syarikat Senduk Emas Berhad.

Antara yang berikut, yang manakah merupakan butiran ekuiti pemilik yang terdapat dalam Kunci Kira-kira?

- I Modal dibenarkan  
II Modal berbayar  
III Modal diterbitkan  
IV Modal diterbitkan dan berbayar penuh
- A I dan III  
B I dan IV  
C II dan III  
D II dan IV

32. Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Bola Sepak My Geng Mengkasar.

	1 Julai 2006	30 Jun 2007
Stok minuman	840	2 300
Penghutang minuman	720	800

Pada tahun 2007, belian minuman ialah RM4100 dan jumlah penerimaan cek daripada jualan minuman ialah RM7 880.

Hitung untung atau rugi minuman.

- A RM5 320  
B RM4 720  
C RM4 880  
D RM3 640
33. Yuran masuk yang diterima oleh kelab dan persatuan hendaklah dicatatkan di sebelah .
- A kredit Akaun Untung dan Rugi.  
B debit Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.  
C debit Akaun Penerimaan dan Pembayaran.  
D kredit Akaun Penerimaan dan Pembayaran.
34. Antara berikut, yang manakah berkaitan dengan rekod tak lengkap?
- I Urus niaga direkodkan berdasarkan sistem catatan tunggal.  
II Data perakaunan direkodkan mengikut sistem catatan bergu.  
III Penyata kewangan disediakan sebagaimana amalan syarikat besar.  
IV Keuntungan perniagaan ditentukan dengan kaedah perbandingan modal.
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

35. Penyata Kos Pengeluaran di bawah diperolehi daripada Kilang Kasut Abubas.

<b><u>Kilang Kasut Abubas</u></b>		
<b><u>Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember</u></b>		
<b><u>2007</u></b>		
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Stok awal bahan mentah		4500
Belian bahan mentah		<u>18500</u>
		23000
Tolak: Stok Akhir bahan mentah		3800
		<hr/>
		19200
Upah langsung		8600
		<hr/>
		27800
Upah tak langsung	450	
Sewa kilang	3600	
Insurans kilang	<u>2400</u>	
		6450
		<hr/>
		34250
		<hr/>

Berapakah kos overhead kilang itu.

- A RM34250  
 B RM27800  
 C RM19200  
 D RM6450
36. Antara yang berikut, yang manakah adalah kos buruh langsung?
- A Gaji juru jual  
 B Gaji pekerja kilang  
 C Gaji penyelia kilang  
 D Gaji pengurus kilang

37. Data berikut diperoleh daripada Perniagaan Perabot Mas Jati.

	<b>RM</b>
Harga jualan seunit	600
Kos bahan mentah	24 000
Kos buruh langsung	16 000

Sekiranya perniagaan ini bercadang mengeluarkan sebanyak 200 unit meja makan, hitung margin caruman seunit.

- A     RM400  
 B     RM480  
 C     RM520  
 D     RM800
38. Manakah pernyataan yang **benar** tentang titik pulang modal?
- A. Pada titik pulang modal, jumlah hasil jualan adalah sama dengan jumlah kos tetap  
 B. Pada titik pulang modal, jumlah hasil jualan adalah sama dengan jumlah kos berubah  
 C. Pada titik pulang modal, jumlah hasil jualan adalah sama dengan jumlah kos  
 D. Pada titik pulang modal, jumlah hasil jualan adalah sama dengan jumlah pengeluaran
39. Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Jamin Untung bagi tahun berakhir 30 Jun 2007.

Butir	RM
Modal (1 Julai 2006)	64240
Untung kasar	40400
Ambilan	6000
Pelbagai belanja	24340

Hitung pulangan atas modal.

- A. 25.00%  
 B. 28.00%  
 C. 63.00%  
 D. 69.00%

40. Antara berikut, yang manakah merupakan butiran aset mudah cair?

- I Gaji terdahulu
  - II Penghutang
  - III Tunai di bank
  - IV Tunai di tangan
- 
- A I, II dan III
  - B I, II, dan III
  - C I, III, dan IV
  - D II, III, dan IV

**KERTAS SOALAN TAMAT**

3756/2  
Prinsip  
Perakaunan  
Kertas 2  
September  
2008

2 ½ jam

NAMA DAN LOGO SEKOLAH  
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SPM 2008**

---

---

**PRINSIP PERAKAUNAN**  
Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.***
  2. *Jawab semua soalan pada **Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B***
  3. *Jawapan hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan.*
  4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini tiap-tiap calon diberi alat tulis perakaunan berikut:-*
    - Buku Tunai    2 helai*
    - Jurnal            2 helai*
    - Lejar              5 helai*
  5. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah*
  6. *Semua jalan kerja hendaklah ditunjukkan*
  7. *Mulakan tiap-tiap jawapan pada helaian baru.*
  8. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
- 

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak



**BAHAGIAN A***[Jawab Semua Soalan]*

1. Encik Naqib Hafizuddin pemilik *Ben Wahab* yang menjual set penapis air di Bandar Bentong , Pahang Darul Makmur. Pada 1 Julai 2008, baki-baki aset dan liabiliti perniagaannya adalah seperti berikut;

Tunai di bank	29 100
Tunai ditangan	400
Stok barangniaga	5 500
Alatan kedai	2 400
Pemiutang Dunia Baru Berhad	4 400

Bagi melicinkan perjalanan perniagaannya, beliau dibantu oleh seorang pekerja dengan bayaran gaji RM550 sebulan.

Lampiran A menunjukkan dokumen *Ben Wahab* berdasarkan urusan niaga sepanjang bulan Julai 2008.

***Anda dikehendaki:***

- ( a ) Menyediakan catatan ke buku catatan pertama yang sesuai termasuk Buku Tunai (Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak perlu ditunjukkan) [11 markah]
- ( b ) Memindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar. [10 ½ markah]
- ( c ) Mengimbangkan akaun-akaun dan menyediakan Imbangan Duga pada 31 Julai 2008. [7 ½ markah]

2. Berikut ialah Imbangan Duga Kedai Runcit Farah, sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual rempah masakan di Temerloh , Pahang .

**Imbangan Duga pada 30 Jun 2008**

	Debit ( RM )	Kredit ( RM )
Alatan	7 500	
Pulangan	604	
Penghutang dan Pemiutang	6 000	2 240
Ambilan	800	
Peruntukan hutang ragu		100
Stok 1 Julai 2007	22 700	
Belian dan Jualan	32 816	49 670
Peruntukan susutnilai alatan		1 200
Pinjaman		8 000
Modal 1 Julai 2007		18 730
Diskaun		160
Kadar bayaran	1 430	
Gaji	3 600	
Sewa	5 200	
Bank		550
	80 650	80 650

**Maklumat Tambahan :-**

- i. Stok pada 30 Jun 2008 bernilai RM 20 960 mengikut harga kos dan RM 21 245 mengikut harga pasaran.
- ii. Komisen yang belum diterima ialah RM 250
- iii. Seorang penghutang yang telah diistiharkan sebagai hutang lapuk telah menyerahkan sekeping cek bernilai RM 50 tetapi masih belum direkodkan dalam mana-mana buku.
- iv. Peruntukan hutang ragu hendaklah diselaraskan kepada 2% atas penghutang
- v. Susutnilai alatan adalah sebanyak 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

**Anda dikehendaki menyediakan :-**

- (a) Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2008  
[ 10 markah ]
- (b) Menyediakan Kunci Kira-kira pada 30 Jun 2008  
[ 8 markah ]

3. Zafri dan Badrul adalah pekongsi dalam Perniagaan Zarul dan mereka berkongsi untung rugi dengan nisbah 2:1. Berikut ialah Kunci Kira-kira perkongsian pada 31 Ogos 2008.

**Perniagaan Zarul**  
**Kunci Kira-kira pada 31 Ogos 2008**

	RM		RM
Kenderaan	30 500	Modal :	
Lengkapan	17 200	Zafri	60 000
Stok	29 420	Badrul	40 000
Penghutang	17 711	Pemiutang	14 756
Bank	19 925		
	114 756		114 756

Pada 1 September 2008, mereka membuat keputusan untuk membubarkan perkongsian mereka. Berikut ialah perkara-perkara yang berlaku semasa proses pembubaran.

- (i) Kenderaan, lengkapan dan stok dijual dengan harga RM 74 990
- (ii) Semua hutang dapat dikutip dengan memberi diskaun sebanyak RM 300
- (iii) Semua liabiliti dibayar penuh
- (iv) Semua penerimaan dan pembayaran dilakukan melalui bank.

***Anda dikehendaki menyediakan:***

- (a) Akaun Realisasi [ 5 markah ]
- (b) Akaun Modal setiap pekongsi [ 4 markah ]
- (c) Akaun Bank [ 3 markah ]

4. Syarikat Prima Sdn. Bhd. telah menerima penyata banknya bagi bulan Julai 2008. Berikut ialah buku tunai dan penyata banknya untuk bulan tersebut.

<b>PENYATA BANK</b>					
<b>BANK AMAN BHD</b>					
<i>No 52 Jalan Syed Othman</i>					
<i>26800 Kuala Rompin</i>					
<b>Syarikat Prima Sdn Bhd</b>			No. Akaun : 313-363707		
<i>313 Jalan Masjid</i>			Tarikh : 31 Julai 2008		
<i>26800 Kuala Rompin</i>					
2008	Butir	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
Julai 1	Baki				522Dt
5	Cek	707181	660		1 182Dt
8	Dividen – Syarikat Intan			1 475	293Kt
10	Cek	707179	354		61Dt
19	Cek	707178	380		441Dt
21	Cek	707183	430		871Dt
23	Deposit			5 760	4 889Kt
24	Cek	707184	4 236		653Kt
27	Cek	707180	1 535		882Dt
30	Deposit			435	447Dt

## BUKU TUNAI ( RUANGAN BANK SAHAJA)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. Cek	RM
2008			2008			
Julai 7	Jualan	5 760	Julai 1	Baki b/b		1 256
13	Milah	435	2	Kedai Maju	707180	1 535
18	Rozaimi	854	4	Ceria Tulin	707181	660
21	Syarikat Murni	1 036	5	Edu Enterprise	707182	1 200
24	Tunas Mekar	1 108	21	Belian	707183	430
31	Baki h/b	124	24	Syarikat Taha	707184	4 236
		9 317				9 317

**Maklumat Tambahan :**

- (i) Cek yang diterima pada 24 Julai 2008 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

**Anda dikehendaki :**

- (a) Mengemaskini buku tunai untuk bulan Julai 2008 [ 3 markah ]
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2008 [ 6 markah ]

**BAHAGIAN B**[Jawab mana-mana **satu** soalan.]

5. Tahun perakaunan Pekilang Titisan Terapi berakhir pada 31 Mac 2008 dan maklumat berhubung kos pengeluaran tepung beras kilangnya diberikan seperti di bawah :-

	RM
Belian bahan mentah	66 000
Pulangan belian bahan mentah	700
Kadar bayaran kilang	2 300
Angkutan keluar	689
Stok pada 1 April 2007	
Bahan mentah	19 800
Barang siap	24 655
Alat kecil	600
Kerja dalam proses pada 1 April 2007	
Bahan mentah	9 900
Buruh langsung	1 600
Overhead	925
Sewa kilang	9 000
Upah dan gaji pekerja kilang	11 000
Insurans kilang	650
Upah buruh tak langsung	6 700
Lengkapan	10 500
Gaji kerani pejabat	7 800
Stok pada 31 Mac 2008	
Bahan mentah	16 000
Barang siap	20 900
Alat kecil	125
Kerja dalam proses pada 31 Mac 2008	
Bahan mentah	8 700
Buruh langsung	1 300
Overhead	760
Kenderaan kilang	24 000
Komisen jurujual	8 700

**Maklumat tambahan:**

- i. Insuran terdahulu bernilai RM150
- ii. Sewa kilang dibahagikan antara kilang dengan pejabat mengikut nisbah 7 : 3.
- iii. Kenderaan hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

**Anda dikehendaki menyediakan** Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2008 [ 12 markah ]

6. Bendahari Kelab Pelangi memberi maklumat kewangan kelabnya bagi tahun berakhir 31 Julai 2008 seperti berikut :-

Ringkasan buku tunai bagi tahun berakhir 31 Julai 2008

	RM		RM
Baki b/b	7 890	Belian pestaria	9 500
Yuran masuk	100	Alat tulis	450
pendaftaran	6 630	Kursus dalam latihan	1 870
Yuran ahli	10 000	Komputer	3 500
Derma	12 500	Lawatan sambil belajar	1 600
Jualan pestaria		Derma	770
		Sewa premis	5 200
		Kadar bayaran	1 900
		Perabot	3 400
		Baki h/b	8 930
	<u>37 120</u>		<u>37 120</u>

**Maklumat tambahan :-**

- i. Aset dan liabiliti pada 1 Ogos 2007 :

	RM
Yuran tertunggak	90
Yuran terdahulu	260
Komputer	1 000
Perabot	6 800
Kadar bayaran terakru	200
Alat tulis	200

- ii. Sewa premis tahunan yang dipersetujui ialah RM 4 800
- iii. Lawatan sambil belajar belum lagi dibayar pada 31 Julai 2008 berjumlah RM 600
- iv. Susutnilai atas semua perabot ialah 10% setahun
- v. Nilai komputer pada 31 Julai 2008 ialah RM 4 200
- vi. Derma yang diterima digunakan untuk membeli sebuah van untuk kegunaan kelab.

**Anda dikehendaki menyediakan :-**

- (a) Akaun yuran [ 2 ½ markah ]
- (b) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2008 [ 9 ½ markah ]

---

---

LAMPIRAN A

---

---

<b>RESIT RASMI</b>		NO:0508	
<b>DUNIA BARU BERHAD</b>			
No 13, Jalan Camar, Seksyen 1 46000 Petaling Jaya, Selangor			
<i>Tarikh</i> : 1 Julai 2008			
<i>Terima daripada</i>	:	<b>BEN WAHAB</b>	
<i>Ringgit Malaysia</i>	:	Empat ribu satu ratus lapan puluh sahaja	
<i>Kerana</i>	:	Menjelaskan invois NO 006442 (Diskaun tunai RM220)	
<table border="1" style="display: inline-table;"> <tr> <td>RM4 180.00</td> </tr> </table>		RM4 180.00	
RM4 180.00			
Tunai/No Cek BBMB654301		<i>Naqib Hafizuddin</i> Pengurus	

DOKUMEN 1

<b>BANK BUMI MALAYSIA BERHAD</b>		
Cawangan Bentong		
<i>Tarikh</i>	:	2 Julai 2008
<i>Penerima</i>	:	<b>CIK NORAIN ABU BAKAR</b>
<i>Tujuan</i>	:	Gaji bulan Jun 2008
	RINGGIT	SEN
Baki akhir	24 920	00
Dimasukkan	-	
Jumlah	24 920	00
Cek ini	550	00
Baki	24 370	00
No. 654302		

**KERATAN  
CEK**

DOKUMEN 2

ASAL	<b>INVOIS</b>		NO:0044004		
<b>DUNIA BARU BERHAD</b>					
No 13, Jalan Camar, Seksyen 1 46000 Petaling Jaya, Selangor					
<i>Kepada:</i>					
<b>BEN WAHAB</b>					
33 Jalan Sungai Marong, Ketari, 24100 Bentong,					
			<i>Tarikh :</i>	5 Julai 2008	
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Penapis air RX 1100	5 unit	1 400.00	7 000	00
2	Penapis air RX 3300	5 unit	3 400.00	17 000	00
				24 000	00
<i>Tolak</i> Diskaun niaga 10%				2 400	00
JUMLAH				21 600	00
<i>(Ringgit Malaysia: Dua puluh satu ribu enam ratus sahaja)</i>					
Syarat : 5% 7 hari, 2% 14 hari					
					<i>Hussieng</i> Pengurus

DOKUMEN 3

SALINAN

**BIL TUNAI**

No:05055

**BEN WAHAB**

33 Jalan Sungai Marong,  
Ketari, 24100 Bentong,  
Pahang Darul Makmur

*Kepada:***ENCIK ZULKARNAIN LEP**

SMK Bentong, 24100 Bentong

Tarikh :8 Julai 2008

Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Penapis air RX 1100	1 unit	1 400.00	1 400	00
			JUMLAH	1 400	00

*(Ringgit Malaysia: Satu ribu empat ratus sahaja)*

Tunai/ Bank BBMB661303

*Naqib Hafizuddin*  
Pengurus

DOKUMEN 4

<b>SALINAN</b>		<b>INVOIS</b>		NO:0033003	
		<b>BEN WAHAB</b>			
		33 Jalan Sungai Marong, Ketari, 24100 Bentong, Pahang Darul Makmur			
<i>Kepada:</i>					
<b>MENORA TOMYAM</b>					
313 Damai Courts, Taman Pine 27000 Jerantut, Pahang				Tarikh : 12 Julai 2008	
Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Penapis air RX 3300	1 unit	3 650.00	3 650	00
				3 650	00
<i>Tolak Diskaun niaga 10%</i>				365	00
<b>JUMLAH</b>				<b>3 285</b>	<b>00</b>
<i>(Ringgit Malaysia: Tiga ribu dua ratus lapan puluh lima sahaja)</i>					
Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari					
<i>Hussieng</i> Pengurus					

## DOKUMEN 5

<b>MEMO</b>		NO:06/08
<b>BEN WAHAB</b>		
33 Jalan Sungai Marong, Ketari, 24100 Bentong, Pahang Darul Makmur		
		Tarikh:13 Julai 2008
Pemilik menjual sebahagian dari alatan kedai pada harga kos RM650.00. Bayaran yang diterima dibankkan.		
<i>Naqib Hafizuddin</i> Pengurus		

## DOKUMEN 6

SALINAN

**INVOIS**

IN:0033004

**BEN WAHAB**

33 Jalan Sungai Marong,  
Ketari, 24100 Bentong,  
Pahang Darul Makmur

*Kepada:***HOTEL JELAI**

44-48, Jln Sungai Marong, Ketari

Tarikh :18 Julai 2008

Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Penapis air RX 1100	2 unit	1 700.00	3 400	00
2	Penapis air RX 3300	2 unit	3 650.00	7 300	00
				10 700	00
<i>Tolak Diskaun niaga 10%</i>				1 070	00
<b>JUMLAH</b>				<b>9 630</b>	<b>00</b>

*(Ringgit Malaysia: Sembilan ribu enam ratus tiga puluh sahaja)*

Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari

*Naqib Hafizuddin*  
Pengurus

DOKUMEN 7

SALINAN

NOTA KREDIT

NK:0022

**BEN WAHAB**

33 Jalan Sungai Marong,  
Ketari, 24100 Bentong,  
Pahang Darul Makmur

*Kepada:***HOTEL JELAI**

44-48, Jln Sungai Marong, Ketari

Tarikh :20 Julai 2008

*Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:*

Bil	Butiran	Kuantiti	Hg/unit	Jumlah	
1	Penapis air RX 1100 (Kesilapan penghantaran melebihi pesanan di katalog)	1 unit	1 700.00	1 700	00
				1 700	00
<i>Tolak</i> Diskaun niaga 10%				170	00
JUMLAH				1 530	00

*(Ringgit Malaysia: Satu ribu lima ratus tiga puluh sahaja)*

Syarat :5% 7 hari, 2% 14 hari

*Naqib Hafizuddin*  
Pengurus

DOKUMEN 8

<b>BAUCER PEMBAYARAN</b>		NO:13/08	
<b>BEN WAHAB</b>			
33 Jalan Sungai Marong, Ketari, 24100 Bentong, Pahang Darul Makmur			
<i>Kepada:</i>			
<b>ENCIK NAZRUL AMRI</b>		<i>Tarikh :</i> 23 Julai 2008	
11 Jalan Masjid, Bentong			
Bil	Butiran	Jumlah	Tandatangan Penerima
1	Bayaran membawa barang niaga ke premis perniagaan	250.00	<i>NazrulAmri</i>
 ( <i>Ringgit Malaysia: Dua ratus lima puluh sahaja</i> )			
Tunai/ <del>No Cek</del>			
			<i>NaqibHafizuddin</i> Pengurus

DOKUMEN 9

<b>MEMO</b>		NO:06/08	
<b>BEN WAHAB</b>			
33 Jalan Sungai Marong, Ketari, 24100 Bentong, Pahang Darul Makmur			
<i>Tarikh: 25 Julai 2008</i>			
Pemilik membawa masuk sebuah rak pameran milik peribadi berkost RM330.00 untuk kegunaan perniagaan			
			<i>NaqibHafizuddin</i> Pengurus

DOKUMEN 10

<b>RESIT RASMI</b>		NO:0303
<b>BEN WAHAB</b> 33 Jalan Sungai Marong, Ketari, 24100 Bentong, Pahang Darul Makmur		
		<i>Tarikh</i> :29 Julai 2008
<i>Terima daripada</i>	:	<b>MENORA TOMYAM</b>
<i>Ringgit Malaysia</i>	:	Tiga ribu dua ratus lapan puluh lima sahaja
<i>Kerana</i>	:	Menjelaskan invois NO 0033003
<div style="border: 1px solid black; display: inline-block; padding: 2px;">RM3 285.00</div>		
Tunai/No Cek B1MB214301		<i>Naqib Hafizuddin</i> Pengurus

DOKUMEN 11

**KERTAS SOALAN TAMAT**



PRINSIP PERAKAUNAN  
SKEMA PEMARKAHAN  
PENILAIAN BERSAMA PERCUBAAN SPM TAHUN 2008

No. Soalan	Jawapan	No. Soalan	Jawapan
1	C	21	D
2	A	22	B
3	B	23	C
4	C	24	A
5	B	25	A
6	D	26	A
7	B	27	C
8	D	28	D
9	C	29	B
10	B	30	C
11	B	31	B
12	D	32	A
13	A	33	C
14	A	34	B
15	B	35	D
16	D	36	B
17	C	37	B
18	C	38	C
19	B	39	A
20	D	40	D

**ANALISA**

A	B	C	D
8	13	9	10

**SKEMA PEMARKAHAN PERCUBAAN SPM 3756/2**

1 ( a )

## Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit
Julai 1	Bank	29 100	4 400 (½)
	Tunai	400	
	Stok	5 500 (½)	
	Alatan kedai	2400	
	Dunia Baru Berhad		
	Modal		33 000 (½)
	(Aset dan liabiliti pada tarikh ini) (½)		
25	Perabot	330 (½)	330 (½)
	Modal		
	(Modal tambahan) (½)		

(3 markah)

## Jurnal Belian

Tarikh	Butiran	Jumlah
Julai 5	Dunia Baru Berhad	21 600 (½)
31	Akaun Belian	21 600 (½)

## Jurnal Jualan

Tarikh	Butiran	Jumlah
Julai 12	Menora Tomyam	3 285 (½)
18	Hotel Jelai	9 630 (½)
31	Akaun Jualan	12 915 (½)

(2 ½ markah)

## Jurnal Pulangan Jualan

Tarikh	Butiran	Jumlah
Julai 20	Hotel Jelai	1 530 (½)
31	Akaun Pulangan Jualan	1 530 (½)

(1 markah)

## Buku Tunai

Trkh	Butir	D	Tunai	Bank	Trkh	Butir	Dis	Tunai	Bank
Jul 1	Baki b/b		400 (½)	29 100(½)	Jul 1	Dunia Baru Berhad	220(½)		4 180(½)
8	Jualan			1 400(½)	2	Gaji			550(½)
13	Alatan kedai			650(½)	23	Angkutan/ angkutan masuk		250(½)	
29	Menora Tomyam			3 285(½)					
					31	Baki h/b		150	27 705
			400	34 435			190	400	34 435

[4 1/2 markah]

[11 markah]

1 ( b )

## Ak Stok

Baki b/b	5 500 (½)	
----------	-----------	--

## Ak Alatan kedai

Baki b/b	2 400 (½)	Bank	650 (½)
		Baki h/b	1 750

## Ak Modal

Baki h/b	33 330	Baki b/b	33 000 (½)
		Perabot	330 (½)

## Ak Perabot

Modal	330 (½)	
-------	---------	--

## Ak Belian

Pemiutang / Pelbagai Pemiutang	21 600 (½)	
--------------------------------	------------	--

## Ak Jualan

Baki h/b	14 315	Pelbagai Penghutang	12 915 (½)
		Bank	1 400 (½)

## Ak Pulangan Jualan

Penghutang	1 530 (½)		
------------	-----------	--	--

## Menora Tomyam

Jualan	3 285 (½)	Bank	3 285 (½)
--------	-----------	------	-----------

## Dunia Baru Berhad

Bank	4 180 (½)	Baki b/b	4 400 (½)
Diskaun / Diskaun diterima	220 (½)	Belian	21 600 (½)
Baki h/b	21 600		

## Hotel Jelai

Jualan	9 630 (½)	Pulangan jualan	1 530 (½)
		Baki h/b	8 100

## Ak Gaji

Bank	550 (½)		
------	---------	--	--

## Ak Angkutan / Angkutan masuk

Tunai	250 (½)		
-------	---------	--	--

## Diskaun / Diskaun diterima

		Pemiutang / Pelbagai pemiutang	220 (½)
--	--	-----------------------------------	---------

[ 10 ½ markah]

1 (c)

Imbangan duga pada 31 Julai 2008

(½)

Butiran	Debit	Kredit
Bank	* 29 705 (½)	
Tunai	* 150 (½)	
Stok	5 500 (½)	
Perabot	330 (½)	
Alatan pejabat	* 1 750 (½)	
Modal		* 33 330 (½)
Jualan		* 14 315 (½)
Belian	21 600 (½)	
Pulangan jualan	1 530 (½)	
Dunia Baru Berhad		* 21 600 (½)
Hotel Jelai	* 8 100 (½)	
Gaji	550 (½)	
Angkutan / Angkutan masuk	250 (½)	
Diskaun diterima		220 (½)
	69 465	69 465

[7 ½ markah]

Nota:

- 1 Tarikh, butir, dan angka mesti betul untuk dapat markah dalam bahagian (a) dan (c) Abaikan tarikh dalam (b) tetapi butiran dan angka mesti betul untuk dapat markah.
- 2 \*Terima angka sendiri iaitu angka yang mesti dirujuk daripada sumber sebelumnya (Baki h/b).
- 3 Tidak terima urusniaga yang direkod dua kali dalam buku catatan pertama kecuali tunai dan bank pada 1 Jun.
- 4
- 5 Jika ada 2 Jurnal am yang dipisahkan (bukan terpisah oleh muka surat), Terima jurnal am yang pertama sahaja.
- 6 Jika buku tunai 2 lajur tanpa tajuk disebelah DT dan KT, terima lajur pertama sebagai "Tunai", kedua sebagai "Bank".
- 7 Terima jawapan tanpa urutan tarikh kecuali baki akhir mesti di bawah sekali.

2 (a)

**Kedai Runcit Farah**  
**Penyata pendapatan bagi tahun berakhir 30 Jun 2008**     ( ½ )

Jualan			49 670	( ½ )
(-) Pul jualan			<u>604</u>	( ½ )
			49 066	
<u>(-) Kos Jualan</u>				
Stok awal	22 700	( ½ )		
Belian	<u>32 816</u>	( ½ )		
	55 516			
Stok akhir	<u>20 960</u>	( ½ )		
Kos jualan			<u>34 556</u>	( ½ )
Untung kasar			14 510	( ½ )
<u>(+) Hasil</u>				
Diskaun			160	( ½ )
Komisen			250	( ½ )
Hutang lapuk terpulih			<u>50</u>	( ½ )
			14 970	
<u>(-) Belanja</u>				
PH Ragu	20	(1)		
PS Nilai alatan	630	(1)		
Kadar bayaran	1 430	( ½ )		
Gaji	3 600	( ½ )		
Sewa	5 200	( ½ )		
			<u>10 880</u>	
Untung bersih			<u><u>4 090</u></u>	(1)

[ 10 markah ]

2 (b)

**Kedai Runcit Farah**  
Kunci kira-kira pada 30 Jun 2008 ( ½ )

**Aset Bukan Semasa**

Alatan	7 500	( ½ )
PS Nilai	<u>1 830</u>	( ½ )
	5 670	

**Aset Semasa**

Penghutang	6 000	( ½ )
PH Ragu	<u>120</u>	( ½ )
	5 880	
Stok akhir	20 960	
Komisen	<u>250</u>	( ½ )
	27 090	( ½ )

**Liabiliti Semasa**

Pemiutang	2 240	( ½ )
Bank	<u>500</u>	( 1 )

Modal kerja	( ½ )	<u>24 350</u>	( ½ )
		<u>30 020</u>	

**Ekuiti pemilik**

Modal	18 730	( ½ )
(+) Untung bersih	<u>4 090</u>	( ½ )
	22 820	
(-) Ambilan	<u>800</u>	( ½ )
	22 020	

**Liabiliti jangka panjang**

Pinjaman		( ½ )
	<u>8000</u>	
	<u>30 020</u>	

[ 8 markah ]

3  
(a)**Akaun Realisasi**

2008		RM	2008		RM		
Sept 1	Kenderaan	30 500	(½)	Sept 1	Bank	74 990	(½)
	Lengkapan	17 200	(½)		Bank	17 411	(½)
	Stok	29 420	(½)		Modal Zafri	1 620	(1)
	Penghutang	17 711	(½)		Maodal Badrul	810	(1)
		<u>94 831</u>				<u>94 831</u>	

(5 markah)

(b)

**Akaun Modal Zafri**

2008		RM	2008		RM		
Sept 1	Realisasi	1 620	(½)	Sept 1	Baki	60 000	(½)
	Bank	58 380	(1)			<u>60 000</u>	
		<u>60 000</u>				<u>60 000</u>	

(2 markah)

**Akaun Modal Badrul**

2008		RM	2008		RM		
Sept 1	Realisasi	810	(½)	Sept 1	Baki	40 000	(½)
	Bank	39 190	(1)			<u>40 000</u>	
		<u>40 000</u>				<u>40 000</u>	

(2 markah)

(c)

**Akaun Bank**

2008		RM	2008		RM		
Sept 1	Baki	19 925	(½)	Sept 1	Pemiutang	14 756	(½)
	Realisasi	74 990	(½)		Modal Zafri	58 380	(½)
	Realisasi	17 411	(½)		Modal Badrul	39 190	(½)
		<u>112 326</u>				<u>112 326</u>	

(3 markah)

4a)

Buku Tunai			
Dividen	1 475 (1)	Baki / Baki b/b	124 (½)
		Tunas Mekar	1 108 (1)
		Baki / Baki h/b	243 (½)
	<u>1 475</u>		<u>1 475</u>

[ 3 markah ]

b)

Syarikat Prima Sdn Bhd Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2008 ( ½ )	
Baki debit Penyata Bank (½)	( 447 ) (½)

Tambah :

Rozaimi	854 (1)	
Syarikat Murni	<u>1 036 (1)</u>	
		<u>1 890(½)</u>
		1 443

Tolak :

Edu Enterprise	<u>1 200 (1)</u>
Baki debit Buku Tunai (½)	<u>243 (½)</u>

[ 6 markah ]

**ATAU**

Syarikat Prima Sdn Bhd Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Julai 2008 ( ½ )	
Baki debit Buku Tunai (½)	243 (½)

Tambah :

Edu Enterprise	<u>1 200 (1)</u>
	1 443

Tolak :

Rozaimi	854 (1)	
Syarikat Murni	<u>1 036 (1)</u>	
		<u>1 890 (½)</u>

Baki debit Penyata Bank (½)	<u>( 447 ) (½)</u>
-----------------------------	--------------------

[ 6 markah ]

5. Pekilang Titisan Terapi		Penyata Kos Pegeluaran bagi tahun berakhir 31 Mac 2008 ( ½ )	
<i>Kos bahan</i>			
Stok awal		19 800	( ½ )
Belian	66 000	( ½ )	
Pul belian	<u>700</u>	( ½ )	
		65 300	
		85 100	
(-) Stok akhir		<u>16 000</u>	( ½ )
		69 100	
(+) kerja dalam proses awal		<u>9 900</u>	( ½ )
		79 000	
(-) Kerja dalam proses akhir		<u>8 700</u>	( ½ )
			70 300
<i>Kos buruh</i>			
Upah dan gaji pekerja kilang		11 000	( ½ )
(+) Kerja dalam proses awal		<u>1 600</u>	( ½ )
		12 600	
(-) Kerja dalam proses akhir		<u>1 300</u>	( ½ )
			11 300
<i>Kos overhead</i>			
Kadar bayaran		2 300	( ½ )
Susutnilai alatan kecil		475	( 1 )
Sewa kilang		6300	( 1 )
Insurans		500	( 1 )
Upah tak langsung		6 700	( ½ )
Susutnilai kenderaan		<u>2 400</u>	( 1 )
		18 675	
(+) Kerja dalam proses awal		<u>925</u>	( ½ )
		19 600	
(-) Kerja dalam proses akhir		<u>760</u>	( ½ )
			18 840
Kos Pengeluaran			<u>100 440</u> ( 1 )

## Nota:

1. Kerja dalam proses mestilah diletakkan mengikut komponen. Tidak terima jawapan yang menggabungkan kerja dalam proses sekaligus.
2. Tolak 1 markah bagi setiap butiran modal iaitu kenderaan danengkapan. Salah sahaja jika dimasukkan item komisen jurujual, gaji kerani pejabat dan angkutan keluar.
3. Terima jawapan dalam bentuk akaun T tetapi ditolak 3 markah format. Markah tajuk juga tidak diberikan.

6.

Akaun Yuran					
Baki	90	( ½ )	Baki	260	( ½ )
Pendapatan & Perbelanjaan			Bank	6 630	( ½ )
	<u>6 800</u>	( 1 )		<u>6 890</u>	
	<u>6 890</u>			<u>6 890</u>	

[ 2 ½ markah ]

## Kelab Pelangi

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2008 ( ½ )

Belian pestaria	9 500	( ½ )	Yuran	6 800	( ½ )
Alat tulis	650	( ½ )	Yuran masuk	100	( ½ )
Kursus dan latihan	1 870	( ½ )	Jualan pestaria	12 500	( ½ )
Lawatan sambil belajar	2 200	( 1 )			
Derma	770	( ½ )			
Sewa premis	4 800	( ½ )			
Kadar bayaran	1 700	( 1 )	Kurangan	3 410	( 1 )
Susutnilai perabot	1 020	( 1 )			
Susutnilai komputer	300	( 1 )			
	<u>22 810</u>			<u>22 810</u>	

[ 9 ½ markah ]